

# KBSS berusaha lahirkan jurulatih tempatan berkelas dunia

UB 19 2019 A12

KOTA KINABALU: Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) berusaha melahirkan jurulatih tempatan berkelas dunia.

Setiausaha Tetap KBSS, Mohd Yusrie Abdullah berkata, usaha itu adalah bagi mengurangkan kebergantungan kepada khidmat jurulatih luar yang melibatkan perbelanjaan besar dan tidak memberi kenuntungan untuk jangka panjang.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Kursus Sains Sukan Tahap II, Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) 2019 di Mini Auditorium, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dekat sini, dua hari lalu.

Kursus enam hari di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) itu dianjurkan Institut Sukan Negara Malaysia (ISN) dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri (MSN) Sabah.

Yusrie berkata, kursus seperti itu amat penting terutama bagi melahirkan jurulatih yang diperlukan mengendalikan pelbagai program latihan di setiap peringkat terutamanya di sekolah.

Kursus itu disertai 41 peserta dari seluruh negeri ini yang terdiri daripada tujuh guru, 27 peserta dari pelbagai bidang,



**SIJIL.** Yusrie (tiga dari kanan) menyampaikan sijil penyertaan Kursus Sains Sukan Tahap II SPKK 2019 kepada ketua peserta Isidore Amin. Turut bersama ialah Nizam (kiri) Asneh (dua dari kiri), Sharifah (kanan) dan Maryamah di Mini Auditorium, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS pada Jumaat lalu.

enam jurulatih lantikan MSN Sabah dan Pelapis serta seorang jurulatih Istimewa (OKU).

Peserta itu termasuklah pemenang pingat emas angkat berat Sukan Komanwel New Delhi 2010, Aricco Jumitih.

“Penyertaan atlet angkat berat negara dari Sabah, Aricco Jumitih, yang merupakan pemenang pingat emas di Sukan Komanwel New Delhi 2010 menunjukkan bahawa bekas-bekas atlet kebangsaan yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia turut berpeluang menabur bakti sebagai jurulatih profesional menerusi penyertaan kursus-kursus sebegini.

“Saya percaya penyertaan bekas atlet kebangsaan seperti

Aricco dalam kursus sebegini mampu menjadi motivasi kepada bekas-bekas atlet negara yang lain untuk meningkatkan pengetahuan ke tahap lebih tinggi selain mengukuhkan kerjaya selepas bergelar atlet.

“Pengalaman yang dimiliki bekas atlet kebangsaan sangat berharga dan ia perlu dimanfaatkan sebaiknya menerusi pembelajaran profesional yang pastinya akan memberi impak yang besar dalam pembangunan sukan,” kata Yusrie.

Yusrie berkata, kementeriannya melalui MSN Sabah sentiasa prihatin dan bekerja keras dalam meningkatkan pengetahuan jurulatih seiring dengan

perkembangan teknologi terkini dalam bidang kejurulatihan.

Hadir sama di majlis penutupan ialah Pengarah MSN Sabah Mohd Asneh Mohd Noor; Pegawai Belia dan Sukan AKK ISN Sharifah Amilia Syed Abd Hamid; Ketua Koordinator Physical Fitness UMS Prof. Dr. Dg. Maryamah Ag Daud; Pensyarah Sains Sukan UMS Dr. Mohd Nizam Nazarudin; Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Acara) MSN Sabah Valerie Wong; Penolong Pengarah (Sukan) MSN Sabah Heirwan Shah Masari dan Pegawai Penyelaras Sukan, MSN Sabah Christelle Easter Michael. **Oleh Vitalis G Bingkasan**



**KENANGAN:** Peserta kursus merakamkan gambar kenangan bersama tetamu kehormat selepas majlis penutupan.